



MPC.100-2/2/2

15 Januari 2021

Puan Romaiza binti Ab Rahman
15, Jalan SE 6, Park Villa
Sunway Eastwood, Taman Equine
43300 Seri Kembangan, Selangor

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI KOMUNIKASI DAN PROMOSI E-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (ESPO) ACKNOWLEDGEMENT CERTIFICATE

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Shared Prosperity Vision 2030, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melancarkan e-Shared Prosperity Organisation (eSPO) Acknowledgement Certificate. Sistem ini merupakan satu sistem pengiktirafan secara dalam talian yang telah dilancarkan pada 17 Disember 2020 oleh YBhg. Dato Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

3. Sehubungan dengan itu, kami ingin melantik pihak puan sebagai penulis bagi komunikasi dan promosi melalui media sosial serta kenyataan media dan penterjemahan untuk tujuan menguar-uarkan sijil perakuan ini kepada industri. Terma Rujukan seperti di **Lampiran 1**. Untuk makluman pihak puan, lantikan ini adalah sehingga 31 Mac 2021.

4. Sekiranya pihak puan bersetuju dengan lantikan ini, mohon kembalikan **Borang Setuju Terima** di **Lampiran 2** sebelum atau pada 18 Januari 2021. Kerjasama pihak puan dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SUGUMAR SAMINATHAN

Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing (PCD)

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

TERMA RUJUKAN

Skop Kerja

Antara skop kerja yang perlu dipenuhi adalah:

1. Menyediakan 20 entri untuk dimuat naik dalam sosial media eSPO yang terdiri daripada 10 entri dalam Bahasa Inggeris dan 10 entri dalam Bahasa Malaysia.
2. Menyediakan enam (6) kenyataan media yang terdiri daripada tiga (3) kenyataan dalam Bahasa Inggeris dan tiga (3) kenyataan dalam Bahasa Malaysia.
3. Membuat suntingan terhadap dua (2) elektronik brosur eSPO.
4. Terjemahan landing page eSPO seperti di pautan www.mpc.gov.my/espo.
5. Semua tugas ini perlu diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan sehingga 31 Mac 2021.

Terma Bayaran

Bayaran akan dibuat selepas kesemua tugas dilaksanakan melalui Pesanan Kerajaan dan selepas inbois diterima daripada pihak puan dalam tempoh 14 hari bekerja.

BORANG SETUJU TERIMA

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor
(u.p.: Puan Nurul Syamimi Ismail)

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI KOMUNIKASI DAN PROMOSI E-SHARED
PROSPERITY ORGANISATION (ESPO) ACKNOWLEDGEMENT CERTIFICATE**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya, (No. K/P:)
**** bersetuju / tidak bersetuju** dengan pelantikan sebagai penulis seperti yang dinyatakan dalam surat pihak puan bertarikh 15 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
()

No. akaun :

Nama bank :

Tarikh :

Cop (jika ada) :

**** potong mana yang tidak berkenaan**